

# Malaysia pangkalan terbaik: PM

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia adalah pangkalan pelaburan menarik bagi industri berasaskan teknologi tinggi kerana menawarkan pelbagai insentif, cukup kemudahan asas, politik stabil dan guna tenaga yang mencukupi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri meminta sektor swasta dan korporat mengambil bahagian aktif untuk menonjolkan imej Malaysia kepada dunia sejajar dengan semangat Persyarikatan Malaysia.

Menurutnya, selain berkemampuan dalam bidang saintifik dan teknologi, Malaysia mempunyai banyak kelebihan di samping menawarkan pelbagai galakan kepada pelabur asing.

"Kita perlu memberitahu dunia bahawa Malaysia adalah tempat menarik untuk industri berasaskan teknologi tinggi serta menawarkan usaha sama teknologi bagi menghadapi persaingan berterusan.

"Sejajar dengan semangat Persyarikatan Ma-

aysia, saya berharap sektor korporat mengambil bahagian aktif untuk menonjolkan aset positif negara dengan memberi penerangan mengenai keadaan sebenar negara ini," katanya ketika berucap melancarkan penerbitan keluaran khas mengenai kapasiti dan kemampuan teknologi Malaysia dalam jurnal *Scientific American*, di sini, hari ini.

Fokus keluaran khas itu disiarkan bagi terbitan April 1994. Ia meliputi tiga bahagian iaitu wawasan Perdana Menteri, kemudahan asas teknologi dan perniagaan serta pembangunan teknologi dan aktiviti perniagaan.

'*Scientific American* mempunyai 1.9 juta pembaca dengan kira-kira 600,000 naskhah diedarkan di 145 negara.

Dr Mahathir berkata, antara langkah kerajaan menarik pelaburan asing ialah insentif fiskal yang ditawarkan kepada syarikat untuk meningkatkan kemampuan teknikal sama ada bagi pekerja, produk yang dihasilkan dan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan.

"Kerajaan turut menghapuskan halangan terhadap pengambilan pekerja mahir dan pakar teknikal dari luar negara yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan walaupun pengambilan orang tempatan digalakkan kerana mereka mempunyai kemahiran yang sama," katanya.

Selain itu, katanya, Malaysia menyediakan tempat perniagaan yang aman tanpa sebarang kekacauan di samping kos sara hidup yang masih rendah berbanding negara membangun lain.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan sedang menggubal Akta Reka-bentuk Industri (*Industrial Design Act*) untuk dibentangkan di Parlimen sebagai tambahan kepada Akta Paten 1986 dalam usaha menggalakkan pembangunan industri berteknologi tinggi.

Katanya, dengan adanya akta berkenaan, harta intelek usahawan tempatan serta pelaburan asing dilindungi, sekaligus membolehkan pemindahan teknologi secara tersusun ke negara ini.